



**PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI
(OACP)
PEJABAT DAERAH DAN TANAH
PETALING**

TAHUN 2022 - 2026

ISI KANDUNGAN

- 1** AMANAT PEGAWAI DAERAH PETALING
KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN
RINGKASAN EKSEKUTIF
PENGENALAN
 - 1.1 LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 1.2 CARTA ORGANISASI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 1.3 VISI DAN MISI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 1.4 NILAI-NILAI BERSAMA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
- 2** ANALISIS
 - 2.1 ANALISIS PERSEKITARAN
 - 2.2 ANALISIS DATA
 - 2.3 ANALISIS RISIKO
- 3** KERANGKA OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 3.1 VISI OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 3.2 MISI OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 3.3 BIDANG KEUTAMAAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 3.4 STRATEGI OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 3.5 OBJEKTIF STRATEGIK OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
 - 3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
- 4** PEMANTAUAN DAN PENILAIAN
 - 4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN
 - 4.2 FORMAT PELAPORAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
- 5** PENUTUP

AMANAT PEGAWAI DAERAH PETALING

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan Pelan Anti Rasuah Organisasi atau *Organisational Anti Corruption Plan (OACP)* Pejabat Daerah dan Tanah Petaling 2022–2026. Pelan ini telah dirangka dan dibangunkan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Selaras dengan aspirasi nasional, setiap warga PDTP perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. Besar harapan saya agar *OACP* ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga PDTP meliputi semua peringkat iaitu daripada pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat sokongan supaya setiap warga PDTP dapat melaksanakan pelan tindakan bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“TERBAIK DARIPADA KAMI”**

**TUAN HAJI MOHD JUSNI BIN HASHIM,S.I.S.
PEGAWAI DAERAH PETALING**





**PUAN NDRAZLINA
BINTI YUSOF
KETUA PENOLONG
PEGAWAI DAERAH
(PENGURUSAN
TANAH)**



**PUAN MAS SAKDAH
BINTI
KAMARUZZAMAN
KETUA PENOLONG
PEGAWAI DAERAH
(PEMBANGUNAN)**



**PUAN NURMAZIATUL
AKMAL BINTI
CHE AZHAR
KETUA PENOLONG
PEGAWAI DAERAH
(KHIDMAT
PENGURUSAN)**

KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

Pelan Anti Rasuah Organisasi atau *Organisational Anti Corruption Plan (OACP)* Pejabat Daerah dan Tanah Petaling 2022 – 2026 ini adalah komitmen berterusan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling yang diterajui 3 Bahagian utama iaitu Pengurusan Tanah, Pembangunan Daerah dan Khidmat Pengurusan. Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Daerah dan Tanah Petaling merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan govenans, integriti dan anti rasuah dalam kalangan warga PDTP dengan menekankan mekanisme kawalan dalaman yang membolehkan sumber – sumber organisasi dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah dan salah laku integriti demi kesejahteraan organisasi.

Matlamat pelan ini adalah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan pada 29 Januari 2019. Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Pembangunan OACP ini adalah satu inisiatif mandatory di bawah “Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam”

Pengurusan tertinggi PDTP beriltizam dan komited bagi memastikan pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam OACP dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti. Warga kerja PDTP diseru untuk bersama-sama memastikan pengurusan pentadbiran PDTP bebas dari amalan rasuah. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan dapat ditambah baik bagi melahirkan warga kerja PDTP yang berintegriti.

JAWATANKUASA DACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING



Pengerusi :

Puan Mas Sakdah Binti Kamaruzzaman
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)

Ahli Jawatankuasa :

Puan Nurmaziatul Akmal Binti Che Azhar, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Khidmat Pengurusan)
Puan Liyana Zainudin, Pen. Pegawai Daerah (Pendaftaran)
Puan Marianie Binti Abdul Rahman, Pen. Pegawai Daerah (Pemb. Masyarakat)
Puan Farhana Lina Binti Morsit, Pen. Pegawai Daerah (Pemb. Tanah)
Puan Siti Noordiana Binti Abd. Rahman, Pen. Daerah (Pelupusan)
Puan Nurul Asyikin Binti Noridin, Pen. Pegawai Daerah (Pemb. Fizikal)
Encik Mohamad Aiman Bin Ahmad Danial, Pen. Pegawai Daerah (Teknikal)
Encik Mohd Faiz Bin Abu Bakar, Pen. Pegawai Daerah (Hasil)
Puan Nurakmal Binti Nazri, Pen. Pegawai Daerah (Pindahmilik)
Encik Mohd Nurunnajmi Bin Amat Janji, Pen. Pegawai Daerah (Penguatkuasaan)
Encik Mohd Farid Bin Shahrir, Pen. Pegawai Daerah (LMS)
Encik Khairul Fahmi Bin Juair, Pen. Pegawai Daerah (Pentadbiran /Kewangan)
Puan Noranisha Binti Shafiei, Penolong Jurutera (Pemb. Fizikal)
Puan Salasiah Binti Mohammad, Penolong Pegawai Tanah (Penguatkuasaan)
Puan Norhaisah Binti Ali, Penolong Pegawai Tanah (Teknikal)
Puan Noor Diyana Binti Yaakob, Penolong Pegawai Tadbir (Aset)
Puan Asmida Binti Ahmad, Penolong Pegawai Tadbir (Pendaftaran)
Puan Norliyana Binti Ahmad Idris, Penolong Pegawai Tadbir (LMS)
Puan Noorashikin Binti Baharuddin, Penolong Akauntan (Kewangan)
Puan Ummu 'Aisyah Binti Lokman Penolong Akauntan (Hasil)
Cik Maznah Binti Abu, Pem. Tadbir Kanan (Pemb. Tanah)
Puan Norliza Binti Abdullah@Abu Hassan Abu, Pemb. Tadbir Kanan (Pelupusan)
Y.M. Raja Othman Bin Raja Badri Pem. Tadbir Kanan (Pemb. Masyarakat)
Puan Siti Saleha Binti Juraimy, Pembantu Tadbir (Pindahmilik)

Urus setia :

Puan Mazyan Binti Muhamad Nordin, Penolong Pegawai Tadbir (Integriti)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan OACP PDT Petaling adalah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Matlamat utama adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Pembangunan OACP ini adalah satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam”


Visi utama OACP PDT Petaling ialah membentuk warga kerja yang berintegriti dan bebas rasuah. Misi OACP PDT Petaling adalah memperkukuhkan governans, integriti dan anti rasuah warga kerja PDT Petaling melalui pematuhan terhadap akta, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa berdasarkan 3 bidang keutamaan iaitu Pengurusan Tanah, Pembangunan Masyarakat dan Fizikal serta Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan. 3 bidang keutamaan ini memayungi 3 Strategi yang telah digariskan iaitu memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah, memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal serta mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan. Sebanyak 20 Pelan Tindakan telah dirangka dengan mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemeraksanaan pencegahan rasuah.

OACP PDT Petaling akan menjadi panduan terbaik untuk meningkatkan imej jabatan ini sebagai sebuah organisasi yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah seiring dengan memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang telus dan berintegriti.

1.1 LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

KELUASAN

48,321 HEKTAR
(119678.08 EKAR)



KEPADATAN
PENDUDUK 2020
2,190,700 ORANG

3	PBT	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
6	PARLIMEN	SUNGAI BULOH, DAMANSARA, SHAH ALAM, PETALING JAYA, PUCHONG & SUBANG
6	MUKIM	SUNGAI BULOH I & II, PETALING I & II, DAMANSARA DAN BUKIT RAJA
26	KAMPUNG	19 KAMPUNG TRADISI, 7 KAMPUNG BARU /TERSUSUN & 17 KETUA KOMUNITI INDIA
14	DUN	SERI KEMBANGAN, BUKIT LANJAN, SERI SETIA, KOTA ANGGERIK, KOTA DAMANSARA, BUKIT GASING, BANDAR UTAMA, TAMAN MEDAN, KAMPUNG TUNGKU, SUBANG JAYA, PAYA JARAS, BATU TIGA, SERI SERDANG & KINRARA
5	IPD	IPD SUNGAI BULOH, IPD PETALING JAYA, IPD SUBANG JAYA, IPD SERDANG & IPD SHAH ALAM
2	ZON JBPM	ZON PETALING & ZON SHAH ALAM
2	PPD	PPD PETALING UTAMA & PPD PETALING PERDANA
3	CAWANGAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	PETALING, SHAH ALAM & SUBANG JAYA



29,030 HEKTAR



9,720 HEKTAR



16,180 HEKTAR

SEJARAH PENUBUHAN PEJABAT DAERAH PETALING

1 FEBRUARI
1974

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah diwujudkan serentak dengan penubuhan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan. Semasa awal penubuhannya, Pusat Pentadbiran Daerah Petaling adalah di Petaling Jaya.

JULAI
1991

Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah berpindah ke Subang Jaya kerana kebakaran di Pejabat sebelumnya.

APRIL
2011

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah berpindah ke Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling, Seksyen U5, Shah Alam.

1.2 CARTA ORGANISASI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING



1.3 VISI DAN MISI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

VISI

Menjadikan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling sebagai peneraju dalam tadbir urus pengurusan Daerah di Selangor.

MISI

Mengurus, mengawal dan mentadbir sumber tanah dan pentadbiran daerah bagi mencapai pembangunan yang seimbang dari segi Ekonomi, Sosial, Infrastruktur dan Pembangunan Modal Insan.

MOTO

“TERBAIK DARIPADA KAMI”

DASAR KUALITI

Membangunkan Daerah Petaling ke arah kecemerlangan melalui kepatuhan terhadap undang-undang serta penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PDTP komited untuk memastikan kehendak pihak berkepentingan dipenuhi melalui pencapaian petunjuk prestasi yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan sistem.

1.4 NILAI-NILAI BERSAMA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

AKAUNTABILITI DAN BERINTEGRITI

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas. Berkhidmat dengan penuh komited dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah. Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan.

PROFESIONALISME

Bersikap neutral, menekankan pembangunan dan pembelajaran berterusan demi meningkatkan ilmu kemahiran serta kematangan sikap bagi menyampaikan perkhidmatan dengan penuh iltizam dan akauntabiliti yang tinggi.

PROAKTIF DAN RESPONSIF


Berkebolehan membuat jangkaan, peka terhadap perubahan hala tuju dan persekitaran pada masa hadapan. Bertindak dengan proaktif dan responsif terhadap sebarang perubahan yang berlaku bagi memastikan matlamat jabatan dicapai.

SINERGI

Berkerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi.

2.1 ANALISIS PERSEKITARAN

Corruption Performance Index (CPI) bagi tahun 2021 yang dilaksanakan oleh *The Malaysian Society for Transparency and Integrity (TI Malaysia)* menunjukkan skor Malaysia telah menyusut 3 mata dari skor 51 pada tahun 2020 kepada 48 pada tahun 2021. Kedudukan Malaysia juga menurun dari 57 pada tahun 2020 kepada kedudukan 62 berbanding 180 negara pada tahun 2021. Sekiranya isu persepsi ini tidak ditangani dengan segera, ia akan memberi kesan terhadap keseluruhan perkhidmatan awam dan juga Kerajaan Malaysia.



Skala Skor :

1. 0 – Sangat Berisiko Rasuah,
2. 100 - Sangat Kurang Berisiko Rasuah

KAJIAN TAHAP RASUAH PERKHIDMATAN AWAM/ PUBLIC SERVICE CORRUPTION RANKING (PSCR)

Merujuk kepada *Public Service Corruption Report (PSCR)* Tahun 2020 yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Negeri Selangor telah menunjukkan skor tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan skor 8.8983.

NEGERI	SKOR	RANK
SELANGOR	8.8983	1
B	8.0043	2
C	7.2753	3
D	5.2446	4
E	5.0187	5
F	4.2869	6
G	3.9013	7
H	3.4240	8
I	3.3888	9
J	2.4989	10
K	1.6315	11
L	1.2527	12
M	1.1445	13

- ❑ Skor yang lebih **BESAR** adalah petunjuk agensi awam dengan tahap perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti yang **TINGGI**.
- ❑ Skor lebih **KECIL** adalah petunjuk agensi awam dengan tahap perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti yang **RENDAH**.

PERATUSAN *RISK AREA* MENGIKUT SEKTOR DAN JENIS KESALAHAN



□ Menurut PSCR, terdapat 5 jenis kesalahan utama yang didapati berlaku di Negeri Selangor pada tahun 2020 iaitu :

1. Perolehan dan Kewangan;
2. Penguatkuasaan;
3. Pentadbiran dan Pengurusan;
4. Pelesenan dan Permit; dan
5. Pentadbiran Tanah

2.2 ANALISIS DATA

Dalam fasa pembangunan OACP PDT Petaling , pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh PDT Petaling. Data-data tersebut terbahagi kepada data dalaman dan data luaran. Data dalaman jabatan merangkumi aduan awam, aduan integriti, kes-kes tatatertib, laporan Bahagian Audit Dalam dan soal selidik melibatkan warga PDT Petaling. Manakala data luaran terdiri daripada data yang diperolehi daripada agensi luar seperti Kajian Public Service Corruption Ranking (PSCR) daripada SPRM dan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).


Pelan Corruption Risk Management (CRM) PDT Petaling turut dirangka melibatkan semua bahagian di bawah PDT Petaling bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan rasuah di PDT Petaling yang boleh menjejaskan operasi dan imej jabatan. Selanjutnya, hasil perbincangan bersama SPRM dan input daripada setiap bahagian yang dikemukakan semasa Bengkel Pembangunan OACP PDT Petaling, risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti rasuah di PDT Petaling telah dikenal pasti.

STATISTIK TINDAKAN TATATERTIB WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling tidak mempunyai kes tatatertib untuk Tahun 2018 dan Tahun 2021. Jenis kesalahan kes Tatatertib bagi tahun 2019 dan 2020 ialah Tidak Hadir Bertugas.



- TAHUN 2018
- TAHUN 2019
- TAHUN 2020
- TAHUN 2021



Pola statistik tatatertib dalam tempoh 2018 sehingga 2021 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan. Sepanjang tempoh tersebut tiada kes melibatkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

3 KES


- KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- KUMPULAN SOKONGAN

SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Soal selidik berkaitan isu berhubung isu rasuah, governans dan integriti telah dilaksanakan di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling. Soal selidik ini merupakan analisa data yang diperoleh daripada 134 orang responden yang terdiri daripada warga PDT Petaling. Ianya bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga PDT Petaling daripada pelbagai peringkat / Gred berhubung isu rasuah, governans dan integriti di PDT Petaling.

SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING (KOMPONEN RASUAH)


1. Adakah jawatan dan fungsi anda sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah?



Berdasarkan 134 orang responden yang terdiri daripada warga PDT Petaling, 54 % iaitu 72 orang menyatakan jawatan dan fungsi mereka di PDT Petaling tidak terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah.


SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING (KOMPONEN RASUAH)

2. Pernahkah anda ditawarkan/ menerima rasuah oleh seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi?



127 responden iaitu 95% yang terdiri daripada warga PDT Petaling menyatakan TIDAK pernah ditawarkan/ menerima rasuah oleh seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi.

3. Isu rasuah di organisasi saya sangat membimbangkan?



100% responden yang terdiri daripada warga PDT Petaling menyatakan isu rasuah di PDT Petaling TIDAK membimbangkan.

■ YA


■ TIDAK

SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING (KOMPONEN GOVERNANS)

1. Adakah anda tahu kewujudan undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, *standard operating procedure* dan senarai tugas yang melibatkan jawatan, tugas dan tanggungjawab anda di organisasi?



2. Adakah tindakan yang diambil oleh pihak atasan dapat menyelesaikan ketidakpatuhan terhadap undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, *standard operating procedure* dan senarai tugas tersebut?




SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING (KOMPONEN INTEGRITI)

1. Saya tahu dan faham maksud integriti




2. Saya akan sentiasa memilih untuk bercakap benar walaupun tahu keadaan itu akan menyusahkan hubungan saya dengan rakan sekerja




SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING (KOMPONEN TINDAKAN PUNITIF DAN KAWALAN DALAMAN)

1. Adakah pihak pengurusan tertinggi atau majikan anda menunjukkan komitmen serius dalam mengatasi masalah rasuah serta kesalahan tatatertib di organisasi?



2. Pada pendapat anda adakah kawalan sedia ada (Akta berkaitan, senarai tugas, perintah tetap, garis panduan, *standard operation procedure* (SOP) dan lain-lain proses) di organisasi anda mencukupi bagi mengatasi masalah rasuah, governans dan integriti?



2.3 ANALISIS RISIKO

Input yang diperolehi daripada Analisis Persekitaran digunakan sebagai asas untuk melaksanakan Analisis Risiko. Sesi perbincangan telah dilaksanakan bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dan Jawatankuasa OACP Pejabat Daerah dan Tanah Petaling bagi mengenal pasti bidang keutamaan, menilai risiko yang wujud dan mengurus risiko berkenaan sama ada melalui kawalan sedia ada atau mewujudkan inisiatif baru bagi mengatasi risiko berkenaan.



3.0 KERANGKA DACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

VISI

Membentuk warga Pejabat Daerah dan Tanah Petaling yang berintegriti dan bebas rasuah

MISI

Memperkuhkan governans, integriti dan anti rasuah warga Daerah dan Tanah Petaling melalui pematuhan terhadap akta, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa

BIDANG KEUTAMAAN

**BK 1:
PENGURUSAN
TANAH**

**BK 2:
PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
DAN FIZIKAL**

**BK 3:
PENGURUSAN
PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN**

STRATEGI (S)

S 1: Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah

S 2: Memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal

S 3: Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan

OBJEKTIF STRATEGIK (OS)

OS 1: Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tanah

OS 2: Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan dan pekeliling berkenaan perolehan bekalan dan projek

OS 3: Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan

3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TANAH

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TANAH			
STRATEGI	S1	Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS1	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tanah	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Melaksanakan Laporan Pergerakan (Terimaan, Proses dan Selesai) Fail Permohonan Tanah secara bulanan	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT2	Melaksanakan <i>check and balance</i> melalui pengesahan penyelia ke atas Senarai Semak bagi setiap permohonan tanah	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT3	Melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas tapak di lapangan berdasarkan permit bahan batuan yang dikeluarkan	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT4	Penggunaan alatan rakaman visual (<i>body camera</i>) semasa operasi penguatkuasaan dilaksanakan.	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT5	Melaksanakan pusingan kerja bagi unit - unit kritikal di Bahagian Pengurusan Tanah setiap 3 - 5 tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT6	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM/kursus integriti secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

BIDANG KEUTAMAAN 2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL

BIDANG KEUTAMAAN 2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL

STRATEGI	S2	Memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal
OBJEKTIF STRATEGIK	OS2	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan dan pekeliling berkenaan perolehan bekalan dan projek

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Menyelaras Senarai Semak bagi semua tuntutan	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT2	Pematuhan kepada skop kerja untuk projek yang telah ditetapkan	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT3	Menyelaras pemantauan mengejut	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT4	Menyelaras Senarai Semak bagi pemilihan kontraktor dan Jadual Kerja	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT5	Memberi peringatan secara pentadbiran kepada kontraktor mengenai jadual kerja, pembekalan dan jadual pembayaran	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT6	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM/kursus integriti secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT7	Mengadakan kursus kewangan secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

STRATEGI	S3	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan
OBJEKTIF STRATEGIK	OS3	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan

BIL	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Melaksanakan tindakan punitif yang lebih tegas kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT2	Melaksanakan pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT3	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM /kursus integriti secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT4	Mengadakan kursus kewangan secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT5	Memantau pemeriksaan mengejut yang dilaksanakan oleh Agensi Teknikal terhadap pematuhan syarat Lesen Eksais	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT6	Melaksanakan check and balance melalui pengesahan penyelia ke atas Senarai Semak bagi tuntutan program/ projek	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT7	Memantapkan pengkhususan tugas-tugas pegawai integriti bagi mengelakkan <i>conflict of interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Unit Integriti PDT Petaling dengan kerjasama Jawatankuasa OACP PDT Petaling akan bertindak sebagai penyelarasan bagi pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP PDT Petaling secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP PDT Petaling akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP PDT Petaling kepada Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut suku tahun (Januari, April, Julai, Oktober).

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) akan berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan OACP PDT Petaling seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional.

4.2 FORMAT PELAPORAN OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

BAHAGIAN	
BIDANG KEUTAMAAN	
STRATEGI	
OBJEKTIF STRATEGIK	
TARIKH LAPORAN	

BIL	PROGRAM /AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL	TARIKH PELAKSANAAN / TEMPOH MASA	CATATAN

5.0 PENUTUP

Pembangunan OACP PDT Petaling merupakan komitmen berterusan PDT Petaling dalam memantapkan pengukuhan governans, serta membentuk organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Justeru, sebanyak 20 Pelan Tindakan melalui 3 strategi telah digariskan di dalam OACP PDT Petaling . Pelan ini juga akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi oleh PDT Petaling. Oleh itu, kerjasama dan komitmen secara berterusan dari semua warga PDT Petaling amat diperlukan bagi memastikan OACP PDT Petaling mencapai matlamatnya.

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” Surah Al-Baqarah188